



AMALAN SUJUD MENCIUM KAKI GURU TAREKAT: PENGHORMATAN ATAU KETERLAMPAUAN AGAMA

(Practice of Prostrating and Kissing the Feet of the Tariqa Guru: A Respect or an Excessive Religious Act)

Nur Sofya Azzahra Binti Rosli¹, Najah Nadiah Amran² & Nur Aina Aisya Binti Zilmee Syahrudin³
^{1,2,3} Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstract

The followers of the Sufi path often associate their practices through the way of tariqa, particularly in their respect for the shaykh. However, there are those among them who take their reverence for the shaykh or guru to an excessive level. One form of homage is through kissing the feet. This action has become a debated issue on social media, leading to discussions and shifts within different factions. To what extent is the act of kissing the shaykh's feet rooted in and permitted by Islam? This paper aims to identify the relevant sources regarding the issue of kissing the shaykh's feet as a form of respect. The study takes a qualitative approach using library research and data analysis. The data is descriptively analysed thematically. The study's findings indicate that there is no valid evidence supporting the act of kissing the shaykh's feet as a basis for practicing proper etiquette towards the guru. Nevertheless, some scholars permit this act with the condition that it is not done in the manner of prostration and not frequently. However, the view that rejects it is stronger based on religious evidence and local customs. All parties should exercise caution and avoid excessive expressions of actions that could lead to forms of idolatry. Simultaneously, differing viewpoints should be handled harmoniously to reduce endless disputes and harm among various factions.

Keywords: Hadith; Kiss Feet; Honouring; Sufi; Tariqah..

Article Progress

Received: 9 August 2023
Revised: 20 September 2023
Accepted: 1 October 2023

*Corresponding Author:
Nur Sofya Azzahra Rosli.
Fakulti Pengajian Islam,
UKM

Email:
sofyazahrarosli@gmail.com

PENDAHULUAN

Hormat adalah perasaan mempunyai pandangan yang tinggi terhadap seseorang dengan memberikan layanan penuh sopan, khidmat dan takzim (Kamus Dewan, 2017). Di dalam Islam, setiap insan layak diberi penghormatan sama ada kerana haknya sebagai manusia, sifat kedermawanan, penguasaan ilmu yang dimilikinya ataupun kerana mempunyai akhlak terpuji (Ahmad Qurtubi, 2011). Bagi menzahirkan sebuah penghormatan, didapati terdapat pelbagai kaedah dipraktikkan seperti mencium tangan dan kaedah tersebut dianggap sebagai kaedah terbaik dalam menzahirkan penghormatan (Ahmad Qurtubi, 2011). Hormat juga mempunyai kaitan rapat dengan konsep adab (Surina et al., 2011). Adab bermaksud kebaikan akhlak, sikap, sifat dan perilaku sama ada pada diri individu atau diterjemahkan dalam bentuk perhubungan dengan individu yang lain. Adab merangkumi semua aspek tingkah laku manusia yang berasaskan kepada nilai, etika, moral, budi bicara, budi pekerti, kesopanan dan kehalusan (Adibah et al., 2019).

Menghormati guru merupakan adab mulia yang dipraktikkan oleh murid. Terjemahan kepada rasa hormat dan adab tersebut dipamerkan oleh murid melalui pelbagai cara. Contohnya dengan menyalami dan mencium tangan guru apabila bertemu atau sebelum atau selepas sesi pembelajaran. Guru merupakan insan yang berperanan dalam masyarakat dan berhak mendapat penghormatan atas sebab keilmuannya dalam menyampaikan ilmu yang benar dan membentuk diri murid. Menurut al-Zarnuji (1981), “*seorang penuntut ilmu tidak akan mampu memiliki ilmu dan mengambil manfaat dari ilmunya melainkan dengan cara menghormati ilmu dan menghormati gurunya dan siapa yang mengajarkan kamu satu huruf untuk memahami agama, maka dia adalah bapa kamu dalam agama.*” Oleh sebab itu,

menjadi anggapan ramai bahawa dengan menghormati guru akan memudahkan seseorang murid untuk memahami ilmu pengetahuan (Adibah et al., 2019).

Suatu kegusaran dan menjadi perdebatan pada masa kini adalah fenomena *ghuluw* yakni melampau dalam memuliakan guru. Hal ini seringkali dikaitkan dengan satu aliran tarekat sufi tertentu. Sesetengah murid atau pengikut tarekat didakwa melampau dalam memberikan penghormatan kepada guru atau disebut shaykh. Ada dalam kalangan mereka menghormati guru dengan cara mencium kaki shaykh. Aliran tersebut juga mempunyai hubungkait dengan pengaruh-pengaruh pemikiran daripada Greek, Hindu dan Parsi (Rosni, 2018). Mereka juga berhujah bahawa perbuatan yang mereka lakukan mempunyai sandaran daripada hadis Nabi SAW. Sejauhmanakah teks hadis berkaitan menjadi sandaran dan hujah kepada amalan yang dilakukan? Sejauhmanakah amalan yang menjadi praktik tersebut termasuk dalam kategori adab-adab Islam dalam menghormati guru? Keterlaluan dalam menghormati dan mentaati guru perlulah dielakkan seperti mempunyai kepercayaan bahawa guru tetap benar sekalipun melakukan perkara yang bertentangan dengan hukum syarak (Abdul Hayei, 2005). Baru-baru ini, timbul perdebatan hangat mengenai tindakan mencium kaki guru atau shaykh apabila sebuah video berkenaan seorang pimpinan utama tarekat membiarkan kakinya dicium oleh para pengikut. Video tersebut tular dalam kalangan pengguna media sosial yang membawa kepada perdebatan hangat beberapa pihak yang menolak dan menerima tindakan tersebut kerana bertepatan dengan sunnah.

Menurut Rosdi et al. (2023), perkongsian maklumat Islam tanpa disiplin yang betul melalui *Facebook*, *YouTube*, *Instagram* dan aplikasi teknologi yang lain amat ketara dan membimbangkan pada masakini. Keadaan tersebut boleh mengundang kekeliruan dan salah faham dalam kalangan orang awam khususnya mereka yang tiada latar belakang agama dan pengajian Islam. Akibatnya amalan yang sesat dan salah dianggap sebagai ajaran agama. Sebaliknya ajaran agama yang sebenarnya tidak ditinggalkan. Tambahan lagi menurut Binti Nik Fauzi et al. (2022), sikap masyarakat Muslim pada hari ini yang tidak membuat semakan maklumat juga menjadikan maklumat hadis palsu kian tersebar secara pantas melalui media sosial. Justeru, makalah ini bertujuan meneroka isu tersebut serta menganalisis riwayat-riwayat yang dikaitkan dengan amalan menghormati guru dengan mencium kaki mereka.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dalam memproses maklumat dan menganalisis data. Menerusi kaedah pengumpulan data, pengkaji mendapatkan bahan-bahan rujukan daripada *artikel* jurnal, buku, serta laman-laman sesawang. Pengkaji juga melakukan pemerhatian dalam talian bagi menganalisis data berkaitan kajian kes. Selain itu, hadis-hadis yang dijadikan sandaran perbuatan mencium kaki dikeluarkan menerusi kaedah pengesahan sumber hadith dari kitab-kitab *matan* sumber hadith yang utama dan ditinjau syarahan berdasarkan rujukan kitab-kitab syarah. Bagi proses menganalisis data, pengkaji menyaring, meringkaskan dan mempersembahkan data secara tematik dan sistematik melalui subtopik-subtopik tertentu. Akhir sekali, data-data ini dibincangkan dan dirumuskan bagi mendapatkan kesimpulan berkaitan dalil mencium kaki shaykh.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

i. Amalan Sujud Mencium Kaki

Antara kaedah dalam memberikan penghormatan sesama manusia adalah dengan mencium tangan, menundukkan kepala ataupun merendahkan badan dan berdiri ketika seseorang yang penting atau istimewa datang (Ahmad Qurtubi, 2011). Setiap kaedah memberikan penghormatan tersebut berbeza mengikut budaya setempat. Kajian mengenai sejarah perkembangan perilaku manusia dan budaya, mendapati ada tiga bentuk ciuman sama ada ia berbentuk ekspresi ciuman persahabatan dan keakraban, ciuman kasih sayang serta ciuman cinta (Frijhoff, 1991). Ciuman juga terbahagi kepada dua kategori. Pertama ia dalam kategori amalan perbuatan (*gesture*) dan kedua ia termasuk dalam kategori amalan ibadah (*ritual*) (Frijhoff, 1991). Dalam budaya yang berbeza, ciuman mempunyai makna yang simbolik antaranya bertujuan meraikan, menghormati, bersahabat dan penyerahan diri. Ia juga mempunyai makna simbolik untuk berdamai, persefahaman dan penerimaan. Dalam kisah-kisah dongeng dan

kepercayaan masyarakat juga, ciuman dikaitkan dengan kuasa tertentu seperti boleh meleraikan atau menghilangkan nasib yang buruk, menyembuhkan penyakit, atau menukar bentuk kejadian (Frijhoff, 1991). Terdapat beberapa variabel yang terlibat apabila pengamatan tentang perilaku ciuman diterjemahkan dalam kehidupan masyarakat. Umpamanya objek ciuman, persekitaran sosial ia berlaku, hubungan, kaitan dengan fasa tertentu, status sosial, gender, anggota badan yang terlibat, domain budaya dan juga makna ciuman tersebut (Frijhoff, 1991). Variabel ini boleh menjadi kerangka dalam menganalisis terhadap amalan ciuman kaki, tangan dan anggota badan atau objek lain bagi memperhalusi tujuan dan makna terhadap tindakan tertentu.

Anggota badan manusia seperti kaki raja mempunyai makna simbolik dalam sejarah manusia. Kaki manusia digambarkan sebagai kuasa. Oleh itu, tradisi tunduk dan menyentuh kaki atau seumpamanya mencium kasut atau sepatu raja merupakan suatu bentuk tindakan rakyat atau orang bawahan bagi menunjukkan rasa takzim kepada mereka yang berkuasa. Oleh itu, tidaklah janggal apabila direkodkan dalam sejarah raja-raja Eropah ataupun dalam upacara agama dan peralihan kuasa paderi terdapat upacara tertentu seperti membasuh kaki, mencium kaki raja atau paderi atau menyentuh bahagian tertentu sebagai penghormatan, ketundukan dan penyerahan diri (Hartnell, *Medieval Bodies*; Eaton, 2013). Dalam kepercayaan penganut agama Hindu, amalan menyentuh atau mencium kaki orang yang lebih tua merupakan satu tradisi bagi melahirkan rasa hormat. Selain itu juga ia berkaitan dengan tujuan kesihatan kerana dalam kepercayaan segelintir penganut agama Hindu, badan mereka mempunyai unsur positif dan negatif. Oleh itu apabila orang lain menyentuh anggota tersebut, ia menjadikan unsur-unsur dalam badan seimbang (Arora, 2022).

Dalam sumber Islam juga terdapat tindakan yang berkaitan penghormatan dan sujud kerana ibadah khususnya apabila ia digambarkan dalam bentuk seseorang merendahkan badan dan anggota tertentu seperti dalam bentuk sujud iaitu meletakkan dahi dan tapak tangan ke lantai atau tempat rendah. Sujud dalam penceritaan al-Quran terbahagi kepada dua makna umum iaitu sujud kerana penyerahan diri untuk melaksanakan ibadah ritual seperti ayat 43, Surah Ali Imran Allah SWT berfirman maksudnya: *Wahai Mariam! Taatlah kepada Tuhanmu dan sujudlah serta rukuklah (mengerjakan solat) bersama-sama orang-orang yang rukuk*. Makna sujud atau tunduk kedua merujuk kepada penghormatan kepada para Nabi yang terpilih iaitu seperti ayat 34 Surah al-Baqarah yang bermaksud: *Dan (ingatlah) ketika kami berfirman kepada malaikat: "Tunduklah (beri hormat) kepada Nabi Adam". Lalu mereka sekaliannya tunduk memberi hormat melainkan Iblis; ia enggan dan takbur, dan menjadilah ia dari golongan yang kafir*. Dalam surah Yusuf, ayat ke-100 mengisahkan tentang penghormatan yang diterima oleh Nabi Yusuf AS daripada ahli keluarga baginda.

Dan dia dudukkan kedua ibu bapanya (bersama-samanya) di atas kerusi kebesaran. Dan setelah itu mereka semuanya tunduk memberi hormat kepada Yusuf. Dan (pada saat itu) berkatalah Yusuf: "Wahai ayahku! Inilah dia tafsiran mimpiku dahulu. Sesungguhnya Allah telah menjadikan mimpiku itu benar. Dan sesungguhnya Ia telah melimpahkan kebaikan kepadaku ketika Dia mengeluarkan daku dari penjara; dan Ia membawa kamu ke mari dari dosa sesudah Syaitan (dengan hasutannya) merosakkan perhubungan antaraku dengan saudara-saudaraku. Sesungguhnya Tuhanku lemah-lembut tadbirNya bagi apa yang dikehendakiNya; sesungguhnya Dia lah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

ii. Aliran Tarekat Sufi

Di dalam ilmu tasawuf, tarekat merupakan suatu istilah yang mewakili aspek pengamalan dan pentarbiahan kerohanian Islam (Faudzinaim & Muhammad Khairi, 2021). Tarekat dari segi bahasa bermaksud jalan, cara, kedudukan, keyakinan, agama dan lain-lain. Ianya berasal dari kalimah arab yang merupakan kata terbitan dari *Taraqa*. Dari sudut istilah pula, tarekat adalah perjalanan seorang salik (pengikut tarekat) menuju Allah dengan cara menyucikan diri atau perjalanan khusus bagi seseorang yang menempuh jalan menuju kepada Allah SWT (Ngatoillah, 2018; Faudzinaim & Muhammad Khairi, 2021). Tarekat mempunyai kaedah-kaedah dan amalan-amalan yang tertentu dalam mengamalkan disiplin kerohanian. Ianya bukan hanya melibatkan situasi teoritikal sahaja tetapi bersifat praktikal yang perlu dilaksanakan bagi mereka yang telah redha dan bersedia untuk menempuh jalan

tasawwuf (Mohd Haidhar, 2018). Wujud juga anggapan bahawa tarekat sufi adalah satu aliran dan amalan yang terpisah dari perbincangan ilmu-ilmu Islam lain seperti tauhid, feqah dan sebagainya. Di sebalik tentangan yang dihadapkan kepada pengamalan institusi tarekat ini, ia masih bertahan dan berkembang dalam masyarakat Islam (Faudzinaim & Muhammad Khairi, 2021).

Perkataan sufi berkait dengan kalimah al-tasawwuf dalam bahasa Arab atau tasawuf dalam bahasa Melayu (Nozira & Fauzinaim, 2018). Sufi merujuk kepada *laqab* (julukan) yang diberikan kepada kelompok yang mengamalkan ajaran tasawuf (al-Qusyairi, 2007; Zulkifli, 2013). Tasawwuf menurut Ibn 'Ajibah (T.th) pula ialah ilmu kepada jalan mencapai kesempurnaan batin ke hadirat Allah dengan menyucikan batin dari segala kekejian dan mengisikannya dengan pelbagai kelebihan. Tasawuf adalah salah satu mazhab di dalam Islam, tetapi menurut pandangan sufi, ia bukanlah sebuah mazhab, melainkan salah satu daripada tiga rukun agama (Islam, Iman, Ihsan). Sebagaimana fiqh yang mementingkan pengajaran ilmu syariah dan aqidah yang mementingkan ilmu tentang keimanan, tasawuf pula hadir mementingkan ilmu berkaitan Ihsan, pendidikan dan tingkah laku, pendidikan jiwa dan hati, dan membersihkannya dari kemungkaran (Amr Mohamed & Mohamed Ebrahim, 2022).

Ajaran Sufi atau tasawwuf berkait dengan pembersihan hati dan pendidikan akhlak melalui tokoh-tokoh Sufi yang terlibat dalam perbincangan konsep-konsep teologi dan falsafah yang rumit. Ilmu dan amalan yang dibawa didakwa bukan berasal dari ajaran Islam dan terpengaruh dengan doktrin syiah, batiniah, falsafah dan ajaran agama lain seperti Kristian, Buddha dan Hindu (Faudzinaim & Muhammad Khairi, 2021). Sejak abad 5 H/11 M, pemikiran Sufi bercampur dengan akidah Ash'arī dan fiqh mazhab. Apabila akidah Ash 'arī menjadi ikutan rasmi majoriti umat Islam pada abad 6 dan 7 H/12 dan 13 M, ianya telah membentuk tradisi intelektual yang dominan dalam kalangan umat Islam, sekaligus didakwa menjadi cerminan akidah Ahlu Sunnah wal Jamaah yang sebenar (al-Haitamī, T.th). Dalam konteks dunia Islam moden, ideologi Sufi dinyatakan identikal dengan institusi pendidikan Islam tertua dan paling berpengaruh di dunia Islam iaitu Universiti al-Azhar. Kajian-kajian etnografi yang dilakukan oleh para pengkaji Barat mendapati bahawa aliran Sufi adalah pengawal tradisi Islam di mana ia dikatakan mewakili pandangan majoriti umat Islam Sunni terutama di Afrika Barat dan Asia Tenggara (Umar Muhammad, 2017). Menurut Umar Muhammad (2017) lagi, dalam aliran sufi terdapat beberapa tarekat induk yang dinisbahkan nama tarekat tersebut kepada pengasasnya. Antara tarekat yang terdapat dalam aliran sufi iaitu as-Suhrawardiyah oleh Diya' ad-Dīn Abū Najib as-Suhrawardī (m. 1168M), al-Qadiriyyah oleh 'Abd al-Qadir al-Jīlānī (m.1234M), ar-Rifatyah oleh Aḥmad ibn ar-Rifai (m.1182M), al-Yassāriyyah oleh Aḥmad al-Yasārī (m. 1166M), al-Kubrāwīyah oleh Najm ad-Din al-Kubrā (m. 1221M), al-Chistiyah oleh Mu'in ad-Dīn M.Chistī (m.1236M), as-Syādhiliyyah oleh Abū Hasan as-Syadhilī (m.1258M), al-Badawiyah;oleh Aḥmad al-Badawī (m. 1276M), al-Mawlawiyah oleh Jalal ad-Dīn ar-Rūmī (m. 1273M), dan an-Naqsyabandiyah oleh Muḥammad Baha' ad-Din an-Naqshabandi (m.1389M).

iii. Komponen Ajaran Tarekat: Penghormatan Murid terhadap Shaykh

Penghormatan terhadap shaykh serta hubungan baik antara murid dan shaykh adalah perkara yang dititikberatkan oleh para ulama termasuk Imam al-Nawawi (2002) yang mengambil halaman yang agak besar dalam jilid pertama kitabnya *al-Majmu'* dengan menekankan pentingnya berhati suci terhadap shaykh, percaya kepada kemampuan shaykh yang mendidiknya serta tidak menyimpan sebarang prasangka terhadapnya. Namun, keterlaluan yang sangat ketara pada kewajipan mentaati shaykh jelas bercanggah dengan prinsip-prinsip utama dalam Islam. Ianya perlu dibendung kerana bertentangan dengan ajaran Islam. Antaranya seperti penyerahan diri kepada shaykh tanpa membantah sekalipun pada perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam dan pengamalan sesuatu perkara tanpa sandaran dalil yang jelas. Selain itu, kepercayaan bahawa shaykh tetap benar sekalipun melakukan perkara yang jelas bertentangan dengan hukum syarak (Abdul Hayei, 2005).

Dalam kehidupan sufi, mursyid berperanan sebagai guru atau shaykh, manakala pengikut berperanan sebagai murid. Bahan pengisian tarekat pula terdiri daripada amalan-amalan tarekat tertentu (Marwan Salahudin & Binti, 2016). Di dalam buku *Tarekat Qadiriyyah wa Naqsyabandiyah* ada menyatakan beberapa adab murid terhadap shaykh dan perlu dipatuhi oleh setiap ahli sufi. Amalan menghormati

shaykh di sisi ahli tarekat, dipercayai oleh mereka bahawa ia berkait rapat dengan adab yang ditunjukkan oleh para sahabat RA terhadap Nabi Muhammad SAW (Kharisudin, 1997).

Pertama, bagi mereka beradab terhadap shaykh ditamsilkan sebagai seolah-olah murid berada pada tempat sahabat dan shaykh pula berada pada kedudukan Nabi dalam bimbingan dan pengajaran. Contohnya, antara adab yang perlu dipatuhi murid pengikut tarekat Naqsyabandiah adalah seperti murid tidak boleh dengan mudahnya bertukar-tukar shaykh tertentu kepada shaykh yang lain melainkan dengan izin shaykh terawal serta atas sebab yang jelas seperti shaykh melanggar syariat Islam. Kedua, murid perlu menurut bimbingan shaykh dengan rela hati serta berkhidmat (melayani) shaykh dengan rasa senang hati. Ketiga, murid haruslah menurut perintah shaykhnya walaupun berbeza pendapat kerana menentang shaykh menyebabkan *barakah* hilang. Setiap perkara yang dibenci oleh shaykh hendaklah dijauhi dan dibenci. Keempat, murid perlu menjaga hati shaykh sebaik mungkin dengan merendahkan suara apabila berkata-kata, berjumpa pada masa yang sesuai, menjaga kesopanan serta mengelakkan perbuatan mengumpat, mengkritik dan sebagainya terhadap shaykh. Murid juga wajib menghormati shaykh walaupun terdapat pertanyaan oleh murid tidak mendapat penjelasan dan jawapan daripada sheikh. Dengan itu, murid perlu sentiasa mengekalkan penghormatan mereka. Mereka perlu yakin bahawa di sebalik diamnya seorang shaykh terdapat hikmah dan keperluannya yang tersendiri. Kelima, murid juga hendaklah memastikan setiap penyampaian dan pernyataan shaykh tidak disebar dan dinukilkan kecuali sekadar apa yang dapat difahami oleh murid. Sebarang hebahan ilmu dan maklumat yang bersumberkan daripada sheikh hendaklah mendapat keizinan beliau terlebih dahulu (Kharisudin, 1997).

Pengikut tarekat mementingkan kemuliaan guru atau shaykh kerana bagi mereka, mendekati diri kepada Allah mestilah dengan cara berguru. Dalam kehidupan sufi, shaykh berperanan sebagai guru, manakala pengikut berperanan sebagai pelajar. Hubungan shaykh dengan murid akrab dan saling memerlukan sehingga dapat diumpamakan seperti sebuah tasbih. Shaykh adalah benang utama manakala muridnya pula adalah seperti manik-manik. Nabi Muhammad SAW pula adalah imam kepada tasbih tersebut. Dalam perumpamaan tasbih tersebut, shaykh dilihat sebagai suatu wasilah yang menghubungkan antara murid dengan Nabi Muhammad SAW. Dalam hal ini, dikatakan bahawa nilai-nilai spritual daripada amalan tarekat akan terbentuk melalui peranan shaykh tersebut. Oleh itu, murid tidak akan mendapat manfaat spiritual kecuali setelah dia menyerahkan dirinya mengikut kehendak shaykhnya (Maulana Syah, 2002).

Ahli tarekat dipercayai adanya segelintir shaykh sufi yang mempunyai tahap yang sempurna. Sebagaimana yang ditakrifkan oleh Kamal al-Din al-Kasyani (1992) iaitu shaykh adalah insan yang sempurna keilmuannya dalam bidang syariat, tarekat dan hakikat, sehingga peringkat mengetahui tentang marabahaya, penyakit, gangguan jiwa serta berupaya mengubati dan membimbing seseorang tersebut jika dia bersedia menerima bimbingan. Kesempurnaan pada tahap ini sangat tinggi dan hampir menyamai martabat nabi yang paling sempurna (*kamil*) dan menyempurnakan (*takmil*) bimbingan kepada manusia (Abdul Hayei, 2005). Hal ini kerana golongan sufi menganggap shaykh mereka suci dari dosa (*maksum*) dan menghalalkan apa saja yang diharamkan untuk dilakukan kepada shaykh mereka, meletakkan kedudukan shaykh sama dengan Nabi atau lebih daripada baginda, dan meletakkan nilai shaykh setanding dengan nilai Allah Taala (al-Bakistani, 2005; Mohd. Asri, 2005).

Secara umumnya golongan tersebut meletakkan kerangka hadis dan sunnah sebagai asas keberadaan fahaman dan pendirian mereka (Rosni, 2018). Bahkanfarhsfarha kemunculan aliran ini adalah berdasarkan tuntutan terhadap keperibadian Nabi Muhammad SAW dan apa yang dibawa oleh baginda. Pengamalan adab-adab dalam tasawuf juga yang dipercayai merujuk hadis sebagai hujah, bahkan penggunaan hadis dalam kalangan sebahagian mereka juga berasaskan kecenderungan kepada aspek penyucian jiwa atau pembersihan rohani serta penekanan yang lebih kepada aspek *taqarrub* kepada Allah. Walaubagaimanapun, sikap mereka yang terbuka kepada hadis *dhaif* (lemah) menjadi faktor kepada perluasan konsep bida'ah. Antara isu kontroversi terhadap aliran sufi dalam pengajian sunnah banyak berputar kepada takwilan, amalan dan praktik kerohanian (Khadher & Selamat, 2021).

HASIL DAPATAN

i. Kajian Kes Perbuatan Mencium Kaki Shaykh

Terdapat beberapa reaksi yang timbul disebabkan oleh isu yang dipaparkan dalam sebuah video yang disebarkan dalam media sosial pada 12 April 2022 mengenai seorang pimpinan aliran tarekat Naqsyabandiah yang membenarkan kakinya dicium oleh para pengikut. Berikutan penulisan video tersebut pelbagai reaksi dan perbincangan dalam kalangan warga penjaring menjadi hangat. Pertama, dakwaan bahawa perbuatan mencium kaki shaykh adalah sunnah dalam menghormati seorang guru. Namun, ada juga yang menganggap perbuatan mencium kaki shaykh sebagai suatu tindakan yang menyeleweng dan syirik kerana ia dikaitkan dengan perbuatan sujud. Sebenarnya, isu yang diperdebatkan bukanlah isu yang baharu. Ini kerana terdapat hantaran di dalam media sosial yang bertarikh 24 Mei pada tahun 2015 telah membincangkan perkara tersebut. Hantaran tersebut turut mendakwa amalan mencium kaki shaykh atau guru ada sandarannya daripada hadith dan merupakan perbuatan para sahabat RA dan tabi'in seperti berikut:

1. Hadith daripada Buraidah RA berkenaan kisah seorang lelaki datang kepada Nabi Muhammad SAW lantas mencium tangan dan kaki baginda.
2. Kisah daripada Safwan RA berkenaan kisah dua orang Yahudi yang datang bertemu Nabi Muhammad bertanyakan tentang 9 ayat keterangan, maka baginda menjawabnya. Lantas kedua-dua Yahudi tersebut mencium tangan dan kaki baginda.
3. Kisah Umar RA mencium kaki Rasulullah setelah mendengar ayat 101 daripada surah Al-Ma'idah.
4. Kisah utusan Abd Qais yang tiba di Madinah lalu mencium tangan dan kaki baginda, kisah ini disebutkan di dalam kitab *al-Adab al-Mufrad* oleh Imam al-Bukhari.
5. Kisah Ali RA mencium tangan dan kaki Abbas RA, riwayat daripada kitab *al-Adab al-Mufrad* oleh Imam al-Bukhari.
6. Kisah Imam Muslim yang mencium tangan dan di antara kedua mata Imam al-Bukhari, dan beliau dikatakan meminta izin daripada Imam al-Bukhari sekiranya dibenarkan untuk mencium kaki beliau.

ii. Pandangan Keharusan Mencium Kaki Shaykh

Pandangan yang menerima perbuatan mencium kaki shaykh berasaskan kepada tujuan amalan itu sendiri iaitu memberikan penghormatan kepada orang yang lebih berilmu. Menurut Mohd. Asri (2013), segelintir shaykh membenarkan murid mencium kakinya kerana menganggap dirinya lebih mulia. Asri Yusoff (2015) pula mendakwa golongan sufi membawa ajaran tersebut dengan menyandarkan kepada perbuatan para sahabat RA kepada Rasulullah SAW. Sekalipun bentuk tindakan tersebut menyerupai perbuatan sujud kepada manusia, mereka menakwilkan perbuatan itu bukan sujud tetapi semata-mata mencium kaki sahaja (Asri Yusoff, 2015). Isu berkaitan mencium kaki guru juga mendapat perhatian dalam kalangan sarjana di luar negara. Mufti Ebrahim Desai (2009) iaitu seorang ulama dan ahli fiqh Afrika Selatan, menukikan pandangannya berdasarkan kajian Moulana Ismail Moosa yang bukan sahaja menghadkan penghormatan mencium tangan dan kaki kepada alim ulama' tetapi pemimpin dan mereka yang bereputasi tinggi:

"...It is established from these narrations that a person can kiss the hands and in fact even the feet of a scholar, just ruler or person holding some religious accolades..."

Maksudnya: "...Dari riwayat-riwayat yang telah dikemukakan ini, menunjukkan bahawa seseorang boleh mencium tangan bahkan kaki seorang ulama, pemerintah yang adil atau orang yang mempunyai reputasi agama tertentu..."

Menjawab persoalan yang dikemukakan berkaitan keharusan tindakan menghormati orang dengan menundukkan kepala, badan atau sujud, kajian tersebut seterusnya menjelaskan bahawa terdapat pelbagai pendirian dalam kalangan sarjana di negara mereka. Namun terdapat prasyarat dalam tindakan mencium kaki menurut pandangan jumhur.

“...Scholars in our country differ on this issue; some say that although while kissing the feet, it apparently seems as if a person is bowing and prostrating, then too it will be permissible. However, there are numerous scholars who say that kissing the feet will only be permissible if a person does not lower his head, bow or prostrate...”

Ertinya: “...Ulama di negara kita berbeza pendapat dalam isu ini; ada yang mengatakan bahawa walaupun semasa mencium kaki, nampaknya seolah-olah seseorang itu rukuk dan sujud, maka ia dibenarkan. Walau bagaimanapun, jumhur ulama menjelaskan bahawa mencium kaki hanya dibenarkan jika seseorang tidak menundukkan kepalanya, rukuk atau sujud...”

Berasaskan hukum keharusan atau dibenarkan, menurut kajian tersebut jumhur ulama’ berpegang ia dibenarkan selagi mana seseorang itu (semasa mencium kaki) tidak menundukkan kepala, membongkok ataupun melakukan amalan seperti sujud. As-Sa’adi (2014) menjelaskan dengan lebih lanjut berkaitan penghormatan kepada guru atau sheikh melalui tindakan mencium tangan dan kaki serta menundukkan badan. Menurut beliau tindakan tersebut bukan terhad dalam kategori *khususiat* (keistimewaan) untuk nabi.

فإن قيل هذا خاص بالنبي، قلنا: هذا ادعاء يستلزم إقامة الدليل على أن تقبيل اليد والرجل من خصوصياته ولا يوجد ذلك، ولأصل فيما يقره أو يفعله أو يقوله التشريع له ولأئمة ما لم يدل دليل على أنه خاص به . أما القول بأن التقبيل يستلزم الانحناء المنهي عنه، فالجواب عنه: أنه ليس كل انحناء منهيّاً عنه بل المنهي عنه الانحناء تعظيماً وركوعاً، أليس إذا سقطت منك حاجة على الأرض فإنك تنحني لتأخذها؟ وهنا الانحناء يكون للتقبيل لا للعبادة والتعظيم.

Ertinya: *Jika dikatakan ini khusus untuk Nabi, kami katakan: Ini adalah dakwaan yang memerlukan bukti bahawa mencium tangan dan kaki itu adalah salah satu khususiat nabi. Dan sememangnya tidak ada perkara seperti itu. Dan asas dalam apa yang ditaqirirkan atau dilakukan atau dikatakan syarak adalah untuk dia dan ummatnya, melainkan terdapat dalil menunjukkan bahawa ia khusus untuknya. Adapun mengatakan bahawa ciuman itu melibatkan membongkok, maka ia adalah haram, jawapannya ialah: tidak semuanya bongkokkan itu dilarang. Sebaliknya, apa yang dilarang adalah membongkok kerana mengagungkan dan rukuk. Bukankah jika sesuatu dari kamu jatuh ke tanah, kamu tunduk untuk mengambilnya? Oleh itu, di sini, membongkok badan adalah untuk mencium, bukan untuk menyembah dan mengagungkan.*

Berdasarkan penerangan di atas, pandangan As-Sa'adi lebih luas dalam menerangkan tentang tahap membongkokkan atau menundukkan kepala sehingga mencium kaki. Sekaligus menyokong ia pendirian golongan beraliran tarekat sufi bahawa murid boleh dan wajar mencium kaki gurunya.

iii. Larangan Perbuatan Mencium Kaki Shaykh

Pandangan yang melarang tindakan mencium kaki guru atau shaykh pula berpendirian bahawa tindakan itu adalah satu tindakan yang menyeleweng kerana merupakan suatu bentuk kesyirikan kepada Allah. Dalam membincangkan pendirian tersebut lima pandangan di ambil daripada tokoh agamawan dalam bidang tafsir, hadis dan fiqh. Pertama, Al-Qurtubi (2006) di dalam *Tafsir al-Qurtubi* mengklasifikasi perbuatan tersebut sebagai perbuatan golongan jahil yang sia-sia dan ia adalah suatu bentuk sujud yang ditegah sama sekali:

وَهَذَا السُّجُودُ الْمَنْهِيُّ عَنْهُ قَدْ أَخَذَهُ جُهَالُ الْمُتَصَوِّفَةِ عَادَةً فِي سَمَاعِهِمْ وَعِنْدَ دُخُولِهِمْ عَلَى مَشَائِكِهِمْ وَاسْتِعْفَارِهِمْ، فَيَرَى الْوَاحِدُ مِنْهُمْ إِذَا أَخَذَهُ الْحَالُ بِرُغْمِهِ يَسْجُدُ لِلْأَقْدَامِ ۱ لِجَهْلِهِ سِوَاةِ أَكَانَ لِلْقِبْلَةِ أَمْ غَيْرَهَا جَهَالَةً مِنْهُ، ضَلَّ سَعْيُهُمْ وَخَابَ عَمَلُهُمْ .

Ertinya: “Sujud yang haram itu dijadikan kebiasaan oleh orang-orang sufi yang jahil apabila mereka mendengar dan bertemu dengan Syaikh mereka, serta beristighfar dengan mereka. Salah seorang daripada mereka mengaku bahawa jika keadaan memerlukan, dia akan sujud pada tapak kaki (Syaikh mereka) sama ada sujudnya menghadap kiblat atau sesuatu yang lain. Sesungguhnya telah sesat jalan mereka dan sia-sialah amalan mereka”.

Ibn Qayyim (1996) di dalam *Madarij As-Salikin* menjelaskan apa-apa perbuatan yang meletakkan dahi searas dengan kaki sheikh adalah satu bentuk amalan syirik. Menurutnya sekalipun mereka menamakan dan menjelaskan perbuatan itu dengan apa jua penjelasan, hakikatnya ia tetap amalan yang bercirikan sujud seperti sujudnya seseorang kepada makhluk yang lain:

وَمِنْ أَنْوَاعِ الشِّرْكِ سُجُودُ الْمُرِيدِ لِلشَّيْخِ، فَإِنَّهُ شِرْكٌ مِنَ السَّاجِدِ وَالْمَسْجُودِ لَهُ، وَالْعَجَبُ أَنَّهُمْ يَقُولُونَ: لَيْسَ هَذَا بِسُّجُودٍ، وَإِنَّمَا هُوَ وَضْعُ الرَّأْسِ قُدَّامَ الشَّيْخِ إِحْتِرَامًا وَتَوَاضُعًا، فَيُقَالُ لَهُؤُلَاءِ: وَلَوْ سَمَّيْتُمُوهُ مَا سَمَّيْتُمُوهُ، فَحَقِيقَةُ السُّجُودِ وَضْعُ الرَّأْسِ لِمَنْ يُسْجَدُ لَهُ، وَكَذَلِكَ السُّجُودُ لِلصَّنَمِ، وَلِلشَّمْسِ، وَلِلنَّجْمِ، وَلِلْحَجَرِ، كُلُّهُ وَضْعُ الرَّأْسِ قُدَّامَهُ.

Ertinya: “Dan di antara jenis syirik ialah sujud murid kepada shaykh, kerana ianya adalah syirik orang yang disujud dan orang yang sujud kepadanya. Anehnya mereka berkata: Ini bukanlah sujud, tetapi hanya meletakkan kepala di hadapan shaykh kerana hormat dan merendah diri. Kemudian dikatakan kepada mereka: Jawapan kepada orang-orang ini ialah apa sahaja nama yang mereka berikan, maksud sebenar sujud ialah meletakkan kepala kepada orang yang disujud. Iaitu kedudukan kepala diletakkan kepada orang yang disujud, sepertimana kepada berhala, kepada matahari, kepada bintang dan kepada batu, yang semuanya sama meletakkan kepala di hadapannya”

Ketiga, al-Nawawi (1996) di dalam *Fatawa al-Nawawi* menjelaskan hukum sujud yang dilakukan oleh sebahagian murid di hadapan shaykh dan seumpamanya adalah perbuatan yang “sangat dilarang” dan termasuk perkara kufur.

مسألة: السجود الذي يفعله بعض الناس بين يدي المشايخ ونحوهم ما حكمه؟. الجواب: هو حرام شديد التحريم، والله أعلم

Beliau juga berkata pernah berkata di dalam kitab *Raudhatul Tholibin* (T.th):

السُّجُودِ بَيْنَ يَدَيِ الْمَشَائِخِ، فَإِنَّ ذَلِكَ حَرَامٌ قَطْعًا بِكُلِّ حَالٍ، سِوَاةِ كَانِ إِلَى الْقِبْلَةِ، أَوْ غَيْرَهَا. وَسِوَاةِ قَصَدَ السُّجُودَ لِلَّهِ تَعَالَى، أَوْ عَقَلًا. وَفِي بَعْضِ صُورِهِ مَا يَمْتَضِي الْكُفْرَ عَافَانَا اللَّهُ تَعَالَى

Ertinya: “Sujud di hadapan shaykh, perbuatan ini haram sama sekali dalam apa jua keadaan, sama ada menghadap kiblat atau tempat lain sama ada dengan niat sujud kepada Allah Taala atau kerana kelalaiannya. Serta dalam beberapa bentuk lain yang sepertimana mengarah kepada kekufuran, semoga Allah Taala mengampuni kita.”

Keempat, Ibn Hajar al-Haitami (T.Th) di dalam *Fatāwā al-Fiqhiyyah Al-Kubrā* menyatakan makruh memuliakan seseorang alim,soleh dan mulia nasabnya dengan cara membongkokkan badan (menundukkan badan seumpama rukuk dan sujud) tetapi dibolehkan jika tunduk tersebut kurang daripada had rukuk. Beliau mengaitkan dengan sebuah hadith Rasulullah, :“Seandainya aku boleh menyuruh seorang manusia untuk bersujud kepada manusia lainnya, nescaya akan aku suruh seorang wanita untuk bersujud kepada suaminya” [HR. Tirmidzi. No. 1079. Kitab Penyusunan. Bab Hak Suami Atas Isteri. Status: Hasan Sahih].

Pendirian yang dikemukakan oleh Ibn Taimiyah (2004) dalam kitab *Majmu' al-Fatāwā* berkaitan larangan mencium kaki sheikh dan juga pemimpin adalah selari dengan pandangan terdahulu dengan berpandukan kepada dalil daripada nas hadith yang mengandungi larangan Nabi Muhammad SAW terhadap tindakan Muadh bin Jabal RA yang tunduk sujud kepada baginda sekembalinya beliau dari Syam:

أَمَّا تَقْبِيلُ الْأَرْضِ وَرَفْعُ الرَّأْسِ وَخَوْ ذَلِكُمْ بِمَا فِيهِ السُّجُودُ مِمَّا يُفْعَلُ قُدَّامَ بَعْضِ الشُّيُوخِ وَبَعْضِ الْمُلُوكِ: فَلَا يَجُوزُ؛ بَلْ لَا يَجُوزُ الْإِنْخَاءُ كَالرُّكُوعِ أَيْضًا كَمَا قَالُوا لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّجُلُ مِنَّا يَلْقَى أَخَاهُ أَيْنَحْنِي لَهُ؟ قَالَ: لَا { وَوَلَمَّا رَجَعَ مُعَاذٌ مِنَ الشَّامِ سَجَدَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فَقَالَ: مَا هَذَا يَا مُعَاذُ؟ قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ رَأَيْتَهُمْ فِي الشَّامِ يَسْجُدُونَ لِأَسَاقِفَتِهِمْ وَيَذْكُرُونَ ذَلِكَ عَنْ أَنْبِيَائِهِمْ. فَقَالَ: كَذَبُوا عَلَيْهِمْ لَوْ كُنْتُ أَمْرًا أَحَدًا أَنْ يَسْجُدَ لِأَحَدٍ لِأَمْرَتِ الْمَرْأَةِ أَنْ تَسْجُدَ لِزَوْجِهَا مِنْ أَجْلِ حَقِّهِ عَلَيْهَا يَا مُعَاذُ إِنَّهُ لَا يَنْبَغِي السُّجُودُ إِلَّا لِلَّهِ { . وَأَمَّا فِعْلُ ذَلِكَ تَدْيِينًا وَتَقَرُّبًا فَهَذَا مِنْ أَعْظَمِ الْمُنْكَرَاتِ وَمَنْ اعْتَقَدَ مِثْلَ هَذَا فَرَبِّهَ وَتَدْيِينًا فَهُوَ ضَالٌّ مُضَلٌّ بَلْ يُبَيِّنُ لَهُ أَنَّ هَذَا لَيْسَ بِدِينٍ وَلَا فَرِيَّةٍ فَإِنْ أَصَرَ عَلَى ذَلِكَ أُسْتَيْبَ فَإِنْ تَابَ وَإِلَّا قُتِلَ.

Ertinya: *Berkenaan dengan mencium tanah, mengangkat kepala, dan seumpamanya yang melibatkan sujud sepertimana yang dilakukan di hadapan beberapa shaykh dan raja: maka ini haram. Bahkan, tunduk sepertimana rukuk juga haram, sebagaimana “Mereka berkata kepada Nabi s.a.w., jika seseorang dari kalangan kita bertemu saudaranya, adakah dia harus sujud kepadanya? ? Dia berkata: Tidak. Dan apabila Muadh kembali dari Syams, dia bersujud kepada Nabi s.a.w. Dia berkata: Apakah ini, Muadh? Dia berkata, Wahai Rasulullah, aku melihat mereka di Syams bersujud di hadapan uskup mereka, dan mereka menyebutnya atas kuasa nabi mereka. Maka Rasulullah berkata: Celakalah kepada mereka, jika aku mampu perintahkan seseorang untuk sujud kepada sesiapa sahaja, nescaya aku akan perintahkan wanita sujud kepada suaminya kerana besarnya hak seorang suami. Wahai Muadh, tidak patut sujud kepada sesiapa pun melainkan Allah”. Adapun melakukan itu kerana ketakwaan dan kedekatan, ini adalah salah satu kejahatan yang paling besar, dan sesiapa yang percaya kepada bentuk kedekatan dan ketakwaan yang sedemikian adalah pemfitnah yang sesat, bahkan jelas baginya bahawa ini bukanlah dari agama kita dan perbuatan ini tidak mendekatkan dia kepada Allah. Jika dia berkeras, hendaklah dia dipanggil untuk bertaubat, jika dia bertaubat tidak mengapa, jika tidak dia harus dibunuh.*

Dalam riwayat ini, Nabi Muhammad SAW melarang tindakan sujud kepada baginda sendiri. Baginda juga menjelaskan sekiranya baginda dibenarkan mengeluarkan perintah sujud, nescaya baginda akan memerintahkan agar isteri sujud kepada suami kerana tingginya kedudukan suami dalam kedudukan sosial dan kekeluargaan. Ibn Taimiyyah (2004) selanjutnya mengkategorikan perbuatan tersebut diadadakan dan pelaku hendaklah bertaubat.

Selain itu, menurut Şoleh Abd Sāmi' al-Azharī (2009), beliau memakruhkan perbuatan mencium kaki syaykh. Beliau menghuraikan pendapatnya berdasarkan pandangan Imam Malik yang memakruhkan mencium tangan orang lain sama ada kepada seorang alim, ketua atau seorang ayah. Hal ini kerana, perbuatan tersebut merujuk kepada perbuatan orang bukan Arab daripada hadis Nabi dengan dua orang Yahudi yang bertanya perihal 9 perkara. Tambahan pula, menurut Imam Malik, perbuatan mencium kaki ianya boleh mengakibatkan kepada kebongkakan dan melihat (kelebihan) pada diri sendiri. Maka Syekh Şoleh (2009) apabila Imam Malik memakruhkan mencium tangan, maka lebih-lebih lagi pada perbuatan mencium kaki.

Menurut bekas mufti Wilayah Persekutuan, Dr. Zulkifli Al-Bakri (2022) secara asasnya diharuskan untuk mencium tangan orang alim yang warak, pemerintah yang adil, kedua ibu bapa, para shaykh dan semua orang yang berhak untuk dihormati dan dimuliakan. Begitu juga diharuskan untuk mencium kepala, dahi dan (kedudukan) antara dua mata mereka. Perkara tersebut dibolehkan sekiranya dengan tujuan untuk menghormati, memuliakan dan merendah diri, ketika bertemu dan berpisah serta jauh daripada syahwat. Namun, perbuatan mencium kaki sebaiknya tidak dijadikan amalan kebiasaan kerana dikhuatiri ia akan menimbulkan fitnah disebabkan ia bukan budaya dalam kalangan masyarakat

setempat. Sekiranya ingin melakukan juga, perlulah berusaha agar tidak dibuat dalam keadaan yang menyerupai perbuatan sujud.

Mengupas berkaitan tatacara memberikan penghormatan secara fizikal, Saleh Al-Fauzan (2022) menegaskan bahawa mencium tangan seseorang dengan niat menghormati adalah dibenarkan dan tahap menundukkan badan untuk mencium tangan hendaklah tidak sampai melebihi paras tunduk rukuk. Namun perbuatan mencium kaki tidak dibenarkan sekiranya si pelaku sedang berdiri. Sebaliknya jika dia sedang duduk dan separas dengan kaki ibu/bapa maka diharuskan selagi tidak menyerupai tunduk sujud.

تقبيل يد الأم (اليد لا الرجل)، يقبل يد والدته أو يد والده، أو يد العالم، أو يد ولي الأمر، فهذا لا بأس به، لكن من غير انحاء، فإذا انخفض يسيراً لأجل التقبيل فلا بأس بذلك إذا كان لا يحتاج إلى انخفاض، وإنما لو كان جالساً عند قدمها، وقبّله من باب الإكرام لها، فلا بأس بذلك"

Ertinya: "Mencium tangan ibu (tangan bukan kaki); mencium tangan ibunya, tangan ayahnya, tangan ulama, atau tangan walinya, tidak ada salahnya, tetapi bukanlah sehingga membongkok. Jika dia membongkokkan (merendahkan) sedikit (badan) untuk mencium, maka tidak ada salahnya, jika tidak perlu maka tidak perlu bongkokkan atau rendahkan. Jika dia duduk di sisi di kaki (ibu/bapa) dan menciumnya sebagai cara menghormatinya, maka tidak ada salahnya (kerana dia tidak merendahkan badan ataupun menundukkan badan kerana sedang duduk)."

Berdasarkan pendapat-pendapat yang dibentangkan, dapat dirumuskan dalam menyatakan penghormatan terhadap guru atau seseorang yang ingin dimuliakan, maka hendaklah perbuatan tersebut dilakukan dengan penuh waspada. Jadual 1 memaparkan ringkasan berkenaan pendapat-pendapat sarjana tentang hal ini:

Jadual 1: Laporan Larangan Perbuatan Mencium Kaki

Bil	Nama Sarjana	Pandangan	Sebab penolakan
1.	Al-Qurtubi (2006)	Suatu bentuk kesyirikan	Ia adalah suatu bentuk sujud yang ditegah yang dilakukan oleh golongan yang jahil
2.	Ibn Qayyim (1996)	Suatu bentuk kesyirikan	Perbuatan tersebut menyamai bentuk sujud
3.	Al-Nawawi (1996)	Haram dan sangat dilarang	Mengarah kepada kekufuran
4.	Ibn Hajar Al-Haitami (T.Th)	Makruh	Mengaitkan dengan hadis Rasulullah, :“Seandainya aku boleh menyuruh seorang manusia untuk bersujud kepada manusia lainnya, nescaya akan aku suruh seorang wanita untuk bersujud kepada suaminya” [HR. Tirmidhi].
5.	Ibn Taimiyyah (2004)	Melarang	Mengaitkan dengan hadith Muadh bin Jabal RA yang tunduk sujud kepada baginda sekembalinya beliau dari Syam.
6.	Şoleh Abd Sāmi’ al-Azhari (2009)	Makruh	Mengambil pendapat Imam Malik yang memakruhkan mencium tangan kerana boleh mengakibatkan kepada kebongkakan dan melihat kelebihan pada diri sendiri. Apabila mencium tangan sudah makruh, maka lebih-lebih lagi pada mencium kaki.
7.	Zulkifli Al-Bakri (2022)	Melarang jika menyerupai bentuk sujud dan jika dilakukan dengan kerap	Bukan budaya masyarakat setempat dan dikhuatiri menimbulkan fitnah.
8.	Saleh Al-Fauzan (2022)	Melarang jika melakukannya dengan cara tunduk melebihi paras rukuk	Mengelakkan daripada menyerupai bentuk sujud

ii. Kedudukan dan Status Riwayat

Seperti yang dikemukakan di atas, kajian kes yang dipaparkan di media sosial menunjukkan terdapat dua pendirian yang dikemukakan. Pendirian pertama adalah keharusan murid mencium kaki guru manakala yang kedua pula tegas menolak perbuatan tersebut. Oleh itu, bahagian ini meneroka dan menganalisis kedudukan dan status nas-nas yang menjadi hujah kepada kedua pendirian tersebut.

Teks pertama yang dikemukakan dan disandarkan oleh golongan Tarekat adalah memperihalkan mengenai tindakan golongan Yahudi mencium tangan dan kaki Nabi Muhammad SAW.

عَنْ صَفْوَانَ بْنِ عَسَّالٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : (قَالَ يَهُودِيٌّ لِصَاحِبِهِ : اذْهَبْ بِنَا إِلَى هَذَا النَّبِيِّ ، فَقَالَ صَاحِبُهُ : لَا تَقُلْ نَبِيٌّ إِنَّهُ لَوْ سَمِعَكَ كَانَ لَهُ أَرْبَعَةٌ أَعْيُنٌ ، فَأَتَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَأَلَهُ عَنْ تِسْعِ آيَاتٍ بَيِّنَاتٍ فَقَالَ لَهُمْ : (لَا تُشْرِكُوا بِاللَّهِ شَيْئًا ، وَلَا تَسْرِفُوا ، وَلَا تَزْنُوا ، وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ ، وَلَا تَمْشُوا بِيْرِيءٍ إِلَى ذِي سُلْطَانٍ لِيَقْتُلَهُ ، وَلَا تَسْحَرُوا ، وَلَا تَأْكُلُوا الرِّبَا ، وَلَا تَقْدِفُوا مُحْصَنَةً ، وَلَا تُؤَلُّوا الْفِرَارَ يَوْمَ الرَّحْفِ ، وَعَلَيْكُمْ حَاصَّةُ الْيَهُودِ أَنْ لَا تَعْتَدُوا فِي السَّبْتِ) قَالَ : فَقَبَّلُوا يَدَهُ وَرِجْلَهُ ، فَقَالَا : نَشْهَدُ أَنَّكَ نَبِيٌّ ، قَالَ : فَمَا يَمْنَعُكُمْ أَنْ تَتَّبِعُونِي ؟ قَالُوا : إِنَّ دَاوُدَ دَعَا رَبَّهُ أَنْ لَا يَزَالَ فِي دُرَيْتِهِ نَبِيٌّ ، وَإِنَّا نَخَافُ أَنْ تَبْعَنَّاكَ أَنْ تَقْتُلَنَا الْيَهُودُ) . وَفِي الْبَابِ عَنْ يَزِيدَ بْنِ الْأَسْوَدِ ، وَابْنِ عُمَرَ ، وَكَعْبِ بْنِ مَالِكٍ . هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ .

Maksudnya: Daripada Safwan bin ‘Assal RA, beliau telah berkata, “Seorang yahudi berkata kepada temannya: “Marilah kita berangkat bersama menemui Nabi ini.” Lalu temannya berkata: “Jangan katakan ‘Nabi’ kerana apabila baginda mendengar perkataanmu maka baginda akan memiliki empat mata (gembira). Setelah itu, kedua-duanya datang bertemu Rasulullah SAW dan bertanya kepada Baginda tentang sembilan ayat bayyinat. Maka Baginda bersabda kepada mereka: “Janganlah kamu menyekutukan Allah dengan sesuatu apapun, jangan mencuri, jangan berzina, jangan membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah kecuali dengan hak, jangan kamu berjalan dengan seorang yang tidak bersalah kepada penguasa agar dia membunuhnya, jangan melakukan sihir, jangan memakan riba, jangan menuduh zina ke atas perempuan-perempuan suci, jangan berpaling lari dari medan perang, dan kepada kamu secara khususnya wahai orang Yahudi, janganlah kamu melampaui batas pada hari Sabtu”. Safwan berkata: “Lalu, mereka terus mencium kedua tangan dan kaki Baginda dan kedua-duanya berkata: “Kami bersaksi bahawa engkau ialah seorang Nabi.” Baginda bertanya: “Apakah yang menghalang kamu daripada mengikutiku?” Mereka menjawab: “Sesungguhnya Nabi Daud berdoa kepada Tuhannya agar sentiasa ada daripada keturunannya seorang nabi, dan kami takut jika kami mengikutimu, maka orang-orang Yahudi akan membunuh kami.” Dan dalam bab dari Yazid bin Al-Aswad, Ibn Umar, dan Ka’b bin Malik. Ini adalah hadis hasan sahih.

(Al-Tirmidhi. *Jami’ al-Tirmidhi*. No. 2733. *Abwāb Al-Isti’zān Wal Adab ‘An Rasulullāh Saw*. Bab *Mā Jā’a Fi Qublatil Yad Wa Rijlī*)

Riwayat ini direkodkan oleh al-Tirmidhi (2733) dan dihuraikan dalam kitab *Tuḥfātūl Aḥwāzī*. Riwayat ini dijelaskan oleh al-Tirmidhi sebagai Ḥasan Ṣāhiḥ. *Asbābūl wurūd hadith* menjelaskan bahawa dua orang Yahudi bersepakat menemui Rasulullah SAW untuk menguji kenabian baginda dengan bertanya tentang 9 ayat yang pernah diturunkan kepada Nabi Musa AS. Tujuan pertemuan tersebut adalah untuk mencari kelemahan dan menggugat kedudukan Rasulullah sebagai seorang yang *Ummi* (tidak tahu membaca dan tidak menulis). Mereka beranggapan bahawa Rasulullah tidak mengetahui tentang 9 ayat tersebut. Namun apabila baginda dapat menjawab dan menjelaskan pertanyaan mereka secara terperinci mereka terperanjat dan kagum. Sebagai reaksi terhadap rasa kagum tersebut, mereka mencium kedua tangan dan kaki Rasulullah. Pun begitu, mereka tidak memeluk agama Islam. Sekalipun hadith ini mencapai tahap status hadis hasan Sahih, kewajaran tindakan tersebut dipertikaikan kerana ia adalah tindakan dua orang Yahudi yang menjadi sandaran segelintir pihak untuk mencium kaki shaykh bukan amalan golongan orang Islam.

Nas kedua:

حَدَّثَنِي أَبُو أَبَانَ بْنِ الْوَارِثِ بْنِ زَارِعٍ عَنْ جَدِّهَا زَارِعٍ وَكَانَ فِي وَفْدِ عَبْدِ الْقَيْسِ قَالَ لَمَّا قَدِمْنَا الْمَدِينَةَ فَجَعَلْنَا نَتَبَادَرُ مِنْ رَوَاجِلِنَا فَنُقَبِّلُ يَدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَرِجْلَهُ

Maksudnya: Telah menceritakan kepadaku Ummu Aban bintil Wazi' bin Zari' dari datuknya Zari' saat itu ia sedang bersama rombongan utusan Abdu Qais, dia berkata, "Tatkala kami tiba di Madinah, kami berlumba-lumba untuk turun daripada tunggangan kami, kemudian kami mencium tangan Nabi SAW dan kaki Baginda."

(HR Abu Daud. *Sunan Abī Dāud*. No. 4548. Kitab *al-Adāb*. Bab *Fī Qublatil Rijlī*. Status Hadith: Ḥasan Li Ghairih)

Hadis ini direkod oleh Abu Daud. Menurut pengarang kitab '*Aun al-Ma'būd*' ketika sebuah delegasi pemuda datang untuk berjumpa Nabi Muhammad SAW, mereka turun daripada haiwan tunggangan lalu menuju ke arah Baginda dan mencium tangan serta kaki Baginda (al-Azim, 2011). Nabi Muhammad SAW dikatakan membiarkan tindakan tersebut. Hadis ini juga dinukilkan dalam Kitab *al-Adab al-Mufrad* oleh Imam Bukhari. Namun menurut al-Albani, hadis ini hukumnya *hasan* tanpa dimasukkan pada teks hadis perkataan *wa rijlahu*. Oleh itu riwayat ini diterima sehinggalah ia menggambarkan tindakan para sahabat sekadar mencium tangan baginda sahaja.

Nas ketiga:

Riwayat berikut juga menjadi sandaran golongan Tarekat iaitu amalan sahabat iaitu Ali RA mencium tangan dan kaki Abbas RA. Kisah ini disebutkan di dalam kitab *Al-Adāb Al-Mufrād* oleh Imam al-Bukhari hadis bernombor 976.

حَدَّثَنَا عَمْرُو، عَنْ ذُكْوَانَ، عَنْ صُهَيْبٍ قَالَ: "رَأَيْتُ عَلِيًّا يُقَبِّلُ يَدَ الْعَبَّاسِ وَرِجْلَيْهِ."

Maksudnya: Amr telah memberitahu kami, daripada Zaquan, daripada Shuhaib, telah berkata: "Aku melihat Ali mencium tangan dan kaki Abbas."

Riwayat yang dinukilkan ini telah diperiksa silsilah perawinya. Al-Dhahabī (1982) menjelaskan komentar beliau bahawa Shuhaib yang dikatakan perawi yang melihat kejadian tersebut dan diambil riwayatnya merupakan seorang perawi yang tidak dikenali "*Saya tidak kenal Shuhaib.*" Oleh itu sanad hadis tersebut dianggap dhaif.

Nas keempat:

قَالَ أَحْمَدُ بْنُ حَمْدُونَ الْقَصَّارُ: رَأَيْتُ مُسْلِمَ بْنَ الْحَجَّاجِ جَاءَ إِلَى يَهُ وَقَالَ: دَعَانِي أَقْبَلَ رِجْلَيْكَ يَا أَسْنَادَ الْأَسْنَادِينَ، وَسَيِّدَ الْمُحَدِّثِينَ، وَطَيْبَ الْحَدِيثِ فِي عِلَلِهِ، ثُمَّ سَأَلَهُ عَنْ حَدِيثِ كَفَّارَةِ الْمَجْلِسِ فَذَكَرَ لَهُ عِلَّتَهُ فَلَمَّا فَرَغَ قَالَ مُسْلِمٌ لَا يُبْعَضُكَ إِلَّا حَاسِدٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ لَيْسَ فِي الدُّنْيَا مِثْلَكَ

Maksudnya: Telah berkata Ahmad ibn Hamdun al-Qassar: Aku melihat Muslim ibn al-Hajjaj datang kepada al-Bukhari dan mencium di antara kedua matanya dan berkata: Izinkan aku mencium kakimu, wahai shaykh kepada dua orang shaykh besar, ulama ahli hadith, dan pakar tentang 'ilalnya. Kemudian,

beliau bertanya berkaitan hadith Kaffaratul Majlis. Maka al-Bukhari menyebutkan kecacatan hadith tersebut. Apabila dia selesai, Imam Muslim berkata, "Hanya orang yang dengki sahaja yang akan membencimu." Dan aku bersaksi bahawa tidak ada orang seperti kamu di dunia ini.

Hadis ini mengenai penghormatan Imam Muslim kepada Imam al-Bukhari. Tujuan kenyataan Imam Muslim adalah pengiktirafan terhadap keilmuan yang dimiliki oleh Imam al-Bukhari. Riwayat tersebut dinukilkan di dalam kitab *al-Bidāyah wal Nihāyah* (11/26) karangan Ibn Kathir (1990), *Tārīkh Baghdād* (13/102) oleh K h a t i B a g h d a d dan *Tarikh Damsyik* (52/68) oleh Ibn ‘Askari (. Ibnu Hajar menjelaskan riwayat ini adalah riwayat yang sahih. Namun menurut al-Iraqi riwayat tersebut lemah. Sungguhpun terdapat permintaan daripada Imam Muslim tersebut, ia tidak berlaku seperti yang dipohon. Berdasarkan insiden ini, kes yang dilaporkan bahawa murid menghormati guru sehingga ke tahap tindakan mencium kaki tidak relevan sebagai sandaran hujah untuk dua imam hadis yang disepakati oleh ummah kerana ia tidak dipraktikkan. Selain itu juga terdapat nas yang lebih kuat iaitu riwayat hadis yang melaporkan larangan baginda terhadap perbuatan seumpama itu.

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ: قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ الرَّجُلُ مِنَّا يَلْقَى أَحَاهُ أَوْ صَدِيقَهُ أَيْنَحْنِي لَهُ قَالَ " لَا " . قَالَ أَفِيَأْتِرُمُهُ وَيُقَبِّلُهُ قَالَ " لَا " . قَالَ أَفِيَأْخُذُ بِيَدِهِ وَيُصَافِحُهُ قَالَ " نَعَمْ " .

Maksudnya: Dari Anas RA., dia berkata: “Ada seseorang bertanya kepada Rasulullah SAW: “Wahai Rasulullah, apabila salah seorang diantara kami bertemu dengan saudara atau kawannya adakah dia harus membongkokkan diri?” Beliau menjawab: “Tidak.” Dia bertanya lagi: “Adakah dia harus mendakap dan menciumnya?” Beliau menjawab: “Tidak.” dia bertanya lagi: “Adakah dia harus mengambil tangannya dan menjabatnya?” Beliau menjawab: “Ya”.

(al-Tirmidhi. *Jami’ al-Tirmidhi*. No. 2728. Kitab *Al-Isti’zān Wal Adāb ‘An Rasul Allah SAW*. Bab *Mā Ja’ā Fi Al-Musafaha*. Status hadith: Ḥasan)

Daripada hadis ini, dapat difahami Nabi SAW mengajar umatnya tatacara menghormati seseorang apabila bertemu membongkokkan badan, mendakap, mahupun mencium seseorang apabila bertemu bukanlah cara yang tepat bagi menyatakan penghormatan. Kaedah terbaik yang digalakkan oleh sunnah adalah dengan berjabat tangan. Bagaimanakah pula dengan hadis terdahulu yang menerangkan tentang insiden para sahabat mencium tangan dan kaki baginda? Berdasarkan perbandingan kandungan hadis didapati bahawa insiden yang berlaku adalah secara tindakan spontan daripada sahabat terbabit. Manakala dalam riwayat di atas adalah insiden atau pertanyaan dalam kawalan baginda SAW. Riwayat ini juga selari dengan hadis larangan dan teguran Nabi Muhammad kepada Muadh bin Jabal RA yang telah dibincangkan sebelum ini supaya tidak bertindak mencium atau sujud kepada baginda sebagaimana perbuatan sujud golongan nasrani kepada paderi mereka. Berdasarkan hadis ini juga ia menjadi pedoman umat Islam agar tidak berlebih-lebihan dalam menghormati insan lain dan bagi mengelakkan insan yang dihormati tersebut berasa sombong dan mulia. Imam al-Nawawi(2002) di dalam kitabnya *al-Majmu’ Sharh al-Muhazab* (4/536) menjelaskan:

يُسْتَحَبُّ تَقْبِيلُ يَدِ الرَّجُلِ الصَّالِحِ وَالرَّاهِدِ وَالْعَالِمِ وَخَوَّهِمْ مِنْ أَهْلِ الْأَخِرَةِ وَأَمَّا تَقْبِيلُ يَدِهِ لِغِنَاهُ وَدُنْيَاهُ وَشَوْكَتِهِ وَوَجَاهَتِهِ عِنْدَ أَهْلِ الدُّنْيَا بِالْدُّنْيَا وَخَوِّ ذَلِكَ فَمَكْرُوهٌ شَدِيدُ الْكِرَاهَةِ وَقَالَ الْمُتَوَلَّى لَا يَجُوزُ فَأَشَارَ إِلَى تَحْرِيمِهِ وَتَقْبِيلِ رَأْسِهِ رِجْلِهِ كَيْدِهِ

Ertinya: “Disunnahkan mencium tangan seseorang kerana kezhudannya, kesolehannya, atau keilmuannya dan seumpamanya daripada ahli akhirat. Adapun mencium tangan seseorang untuk hartanya, kesenangan dunianya, kekuasaannya, martabatnya di mata ahli dunia, dan seumpamanya, maka hal itu sangat dibenci. Dan telah berkata al-Mutawalli, haram, dan dia menyebut larangan itu terhadap mencium kepala, kaki, sepertimana haram hukum mencium tangan”.

Pandangan yang menolak perbuatan murid mencium kaki guru juga diambil kira berasaskan kaedah fiqh *sad zarai* iaitu hukum larangan bagi menutup jalan kemungkaran yang membawa kepada kesyirikan. Dalam menafsirkan perbuatan umat terdahulu yang *ghulūw* terhadap para nabi dan orang-orang soleh, ada dalam kalangan mereka yang tergelincir dari landasan. Contohnya kesyirikan kaum Nabi Nuh yang dikisahkan Allah menerusi firmanNya:

﴿وَمَكْرُوهٌ مَّكْرًا كَبِيرًا ۚ ۲۲ وَقَالُوا لَا تَذَرُنَّ آهْلَتَكُمْ وَلَا تَذَرُنَّ وَدًّا وَلَا سُوَاعًا وَلَا يَٰعُوثَ وَيَٰعُوقَ وَنَسْرًا ۚ﴾

Maksudnya: Dan mereka telah menjalankan tipu daya dengan merancang rancangan yang amat besar jahatnya (untuk menentang seruan). Dan (ketua-ketua) mereka (menghasut dengan) berkata: Jangan kamu meninggalkan (penyembahan) tuhan-tuhan kamu, terutama (penyembahan) Wadd dan Suwaa' dan Yaghuth dan Ya'uuq, serta Nasr.

(Al-Quran, Surah Nuh 71:22-23)

Menurut Ibn Kathir, Imam al-Bukhari di dalam Sahihnya membawakan sebuah hadis daripada Ibn 'Abbas bagi menyenaraikan nama-nama berhala yang disembah sempena nama-nama orang-orang soleh yang dikagumi oleh masyarakat.

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا صَارَتْ الْأَوْثَانُ الَّتِي كَانَتْ فِي قَوْمِ نُوحٍ فِي الْعَرَبِ بَعْدَ أَمَّا وَدٌّ كَانَتْ لِكَلْبٍ بِدَوْمَةَ الْجُنْدَلِ وَأَمَّا سُوَاعٌ كَانَتْ لِهَدَيْلٍ وَأَمَّا يَٰعُوثُ فَكَانَتْ لِمُرَادٍ ثُمَّ لِيَنِّي عَطِيفٍ بِالْجَوْفِ عِنْدَ سَبَا وَأَمَّا يَٰعُوقُ فَكَانَتْ لِهَمْدَانَ وَأَمَّا نَسْرٌ فَكَانَتْ لِحِمَيْرٍ لِآلِ ذِي الْكَلَاعِ رِجَالٍ صَالِحِينَ مِنْ قَوْمِ نُوحٍ فَلَمَّا هَلَكُوا أَوْحَى الشَّيْطَانُ إِلَى قَوْمِهِمْ أَنْ أَنْصُبُوا إِلَى مَجَالِسِهِمُ الَّتِي كَانُوا يَجْلِسُونَ أَنْصَابًا وَسَمُّوْهَا بِأَسْمَائِهِمْ فَفَعَلُوا فَلَمْ تُعْبَدْ حَتَّى إِذَا هَلَكَ أَوْلَادُكَ وَتَنَسَّخَ الْعِلْمُ عُبِدَتْ

Maksudnya: Daripada Ibnu Abbas RA bahawa; "Patung-patung yang ada pada kaum Nuh dikemudian hari berada dalam kalangan bangsa Arab. Wadd menjadi idola untuk kaum Kalb di Daumah Al-Jandal. Suwa' untuk Bani Hudzail. Yaghuth untuk Murad dan Bani Ghuthaif di Jauf tepatnya di Saba'. Adapun Ya'uq adalah untuk Bani Hamdan. Manakala Nasr pula untuk keluarga Himyar Dzul Kala.' Itulah **nama-nama orang soleh** dari kaum Nabi Nuh. Apabila mereka mati, syaitan membisikkan kepada kaum mereka, "Hendaklah kalian membina berhala-berhala di majlis-majlis tempat mereka duduk menamakannya dengan nama-nama mereka. Maka mereka pun berbuat demikian tetapi ketika itu berhala-berhala tersebut belum disembah. Sehingga ketika generasi mereka mati dan ilmu telah hilang, maka berhala-berhala itu disembah".

(al-Bukhari. Sahih al-Bukhari. No. 4920/4539. Kitab *At-Tafsir- Surah: انا ارسلنا. Bab Wadda Wala Suwā'an Wala Yaghutha Waya'uqa*).

Berdasarkan hadis ini, nama-nama berhala yang disembah merupakan nama dari kalangan orang-orang soleh yang hidup pada zaman Nabi Adam AS dan Nabi Nuh AS. Al-Ṭabari (2009) di dalam tafsirnya, *Jami' al-Bayān* menghuraikan, mereka mempunyai ramai pengikut yang setia dan pada mulanya patung-patung itu diadakan hanya untuk menghormati dan memperingati jasa-jasa guru mereka. Dengan memperingati guru-guru mereka, akan menjadikan mereka lebih kuat beribadah kepada Allah. Namun, generasi terkemudian yang datang setelah mereka digoda oleh syaitan untuk menjadikan patung-patung tersebut sebagai tempat memohon hajat. Akhirnya, mereka tergoda dan mensyirikkan Allah dengan cara menyembah patung-patung tersebut.

Setelah disemak secara terperinci perbincangan nas-nas yang menyebut berkaitan mencium kaki guru sebagai suatu bentuk penghormatan, kajian mendapati daripada keempat-empat nas yang dibentangkan, tiada satu pun riwayat yang bertaraf sahih. Oleh sebab itu, menggunakan nas atau dalil bagi menyokong perbuatan mencium kaki adalah kurang tepat. Bagi pengkaji dan sarjana dalam bidang

hadis, apabila dikatakan sandaran amalan terhadap hadis atau riwayat-riwayat tertentu maka seharusnya ia diperiksa dan dipastikan nilai statusnya. Penggunaan dalil atau nas yang tidak sah menjadikan sesuatu amalan tertentu mudah disangkal. Menurut Khadher (2021), penggunaan hadis yang lemah dalam kalangan golongan sufi atau ahli tasawuf memang tidak dapat dinafikan. Mereka sejak kurun kedua Hijrah dilihat bersikap *tasahul* (mengambil mudah) dalam meriwayatkan hadis-hadis Nabi Muhammad SAW (Mohd Khafidz, 2017). Bahkan mereka beranggapan untuk menjamin autoriti sesuatu hadis tidak perlu untuk mengikuti syarat-syarat yang ditetapkan oleh sarjana hadis, akan tetapi cukup dengan *Dhawq, Kashf, Ahlam, Hawatif*, dan kata perbuatan shaykh yang memiliki tahap spiritual tertinggi (Muhammad Zulkifli, 2013; Abdul Hayei 2001). Walaupun demikian, tidak dinafikan bahawa bukan semua golongan yang beraliran tarekat tertentu tiada sandaran kepada nas yang mereka gunakan sebagai hujah. Ini kerana masih terdapat sebahagian daripada golongan sufi yang jujur dan menitikberatkan keabsahan dan keautoritian sumber terhadap nas yang menjadi hujah terhadap sumber ajaran dalam tasawuf. Contohnya, dalam aspek *Fudā'il al-Amāl* dan penekanan kepada aspek *al-Tarḥīb wa al-Tarḥīb* masih lagi mereka melihat daripada nas-nas yang disepakati lagi sah (Khadher, 2021). Bagi pengkaji etnografi mengenai praktik sesuatu amalan, terdapat penjelasan-penjelasan bersifat tradisi dan budaya yang menjelaskan faktor penerusan tindakan tersebut bagi segelintir pengamal tarekat tertentu pada masakini. Domain budaya, makna simbolik, tujuan, status sosial serta tahap pengetahuan akan menatijahkan kepada terjemahan tindakan-tindakan tertentu yang terus dibudayakan dan diamalkan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, makalah ini telah meneroka dalil-dalil berkaitan isu perbuatan sujud sehingga mencium kaki guru atau shaykh. Berdasarkan kajian kes yang dikumpulkan, ditemui bahawa terdapat dua pendirian berkaitan isu ini samada yang membolehkan dan menolaknya. Kedua-dua pendirian tersebut telah membentangkan hujah masing-masing. Berdasarkan hujah-hujah yang dibentangkan, kajian ini mendapati tiada riwayat yang sah dan yang boleh diterima untuk dijadikan hujah bagi mengharuskan atau membenarkan perbuatan tersebut dilakukan. Terdapat satu hadis yang bertaraf *hasan* namun, hadis tersebut hanya *hasan* sehingga kepada perbuatan mencium tangan sahaja dan lafaz mencium kaki yang terdapat di dalam teks tersebut tidak termasuk sebagai yang boleh diterima. Hadis-hadis sahih yang melarang perbuatan tersebut lebih kuat dan banyak. Manakala pendapat para sarjana juga lebih ramai yang menolak perbuatan ini dilakukan dalam menzahirkan penghormatan kepada guru atau shaykh. Bahkan juga, secara khususnya terdapat teguran dan larangan Nabi Muhammad SAW terhadap perbuatan tersebut dilakukan ke atas diri baginda SAW. Dari suatu aspek, kedudukan baginda seorang Nabi adalah lebih tinggi dan mulia daripada orang kebanyakan termasuklah guru atau shaykh. Kajian juga merumuskan para ulama berpandangan perbuatan ini memberikan penghormatan secara melampau dan tidak menjadi praktik budaya setempat hendaklah dielakkan. Ketepatan dan kesahihan dalam menerima mana-mana dalil dan hujah terhadap apa-apa amalan perlulah dititikberatkan oleh masyarakat agar amalan yang mereka lakukan mendapat keredhaan Allah. Dalam masa yang sama, bagi mengelak pergeseran dan perbalahan yang merugikan disebabkan oleh perbezaan pandangan dalam isu ini hendaklah dielakkan. Setiap pihak hendaklah mempunyai kejernihan niat serta landasan dalil yang kuat serta perbahasan dilakukan secara berhikmah. Medan media sosial seharusnya menjadi tempat perbincangan yang sihat dan harmoni, bukannya punca perseteruan dan perbalahan.

RUJUKAN

- Abdul Hayei bin Abdul Sukor. (2005). Shaykh Mursyid Diantara Penghormatan Dan Pendewaan. *Jurnal Penyelidikan Islam*. 18 (1):127-142.
- Abû Dâwud, Sulaymân b. al-Ash‘ath al-Sijistânî al-Azdî. (1979). *Sunan Abî Dâwud*. Syria: Dâr al-Hadîth.
- Adibah Sulaiman Mohamad, Mohd Azmir Mohd Nizah, Ahmad Norsyafwan Norawavi. (2019) Konsep Pendidikan Islam: Adab Guru-Pelajar. *Jurnal Sains Insani*. 4(1):61-67.
- Ahmad Qurtubi. (2011). Penghormatan dalam Islam Perspektif Hadis. Skripsi, UIN Syarif Hidayatullah.
- al-Azim Abadi, Abu Abdul Rahman. (2011). *Aunul Ma‘bud Syarhu Sunan Abi Daud*. Kaherah. Cetakan Syarikat al-Qudus.
- al-Bakistani, Ehsan Elahi Zaheer. (2005). *Dirāsāt fī Tasāwuf*. T. tmpt: Dar al-Imam Al-Mujaddid Lilnashr Wal Tawzi‘e.
- Al-Dhahabî, Shams ad-Din Abu Abdillah. (1982). *Siyār A‘lām al-Nubalā’*. Syuaib Arnut (pnyt). Beirut: Muassasah Rīsālah.
- Al-Nawawi, Abu Zakaria Mahyuddin. (1996). *Fatāwā al-Nawāwī*. Lubnan: Dār al-Bashāir Al-Islāmiyah Liltibā‘ah Wal Nashr Wal Tawāzi’.
- Al-Nawawi, Abu Zakaria Mahyuddin. (2002). *Al-Majmu’ Sharḥ Al-Muhadhab*. Beirut: Dār Al-Kutūb Al-Alami.
- Al-Nawawi, Abu Zakaria Mahyuddin. (T.th). *Rauḍatul Ṭalibin Wal Umdātul Muftīn*. Beirut: al-Maktab al-Islamī
- Al-Qurtubi, Abi ‘Abdullah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr. (2006). *al-Jami’ fī Aḥkām al-Qur’an*. Beirut: Muassasah al-Rīsālah.
- Al-Tabari, Abu Ja‘far Muhammad Ibn Jarir. 2009. *Jami‘al-Bayān ‘an Ta’wīl Al-Qur’an*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Al-Zarnuji, Burhan al-Islam (1981). *Ta’lim al-Muta’allim Ṭariqa at-Ta’allum*. Beirut: Al-Maktab al-Islamī.
- Amr Mohamed Sayed Imam, & Mohamed Ebrahim El-Sherbiny Sakr. (2022). Sufism in Malaysia and its impact on the revival of the Islamic Dawah. *AL-HIKMAH: International Journal Of Islamic Studies And Human Sciences*, 5(1), 124-153. <https://doi.org/10.46722/hikmah.v5i1.232>
- Arora, Khyati. (2022). What does touching feet mean? Know about its significance and scientific reasons. [Online] <https://newsroompost.com/lifestyle/what-does-touching-feet-mean-know-about-its-significance-and-scientific-reasons/5096342.html> [diakses pada 3 Ogos 2023].
- As Sa’adi, Abdul Malik Abdul Rahman. (2014). *Al-Bid’ah Fī Al-Mafhūm Al-Islāmī Ad-Daqīq*. Jordan: Dar Al-nur Al-Mubayn Lilnasyr Waltawzi.
- Asri Yusoff. (2015). Fenomena Cium Kaki Guru, Sujud Kepada Guru, dan Pemujaan Terhadap Kubur Wali. https://www.youtube.com/watch?v=fmii-zwk9OA&t=34s&ab_channel=DarulkaustarStudios [diakses pada 10 Jun 2023].
- Binti Nik Fauzi, N. S. ., Hoque, M. ., & Abd Kadir, K. . (2022). Spreading Hadith Maudhu’ Via Information And Communication Technology: Reasons And Suggestions. *Journal Of Hadith Studies*, 7(1), 160-167. <https://doi.org/10.33102/johs.v7i1.189>
- Eaton, R. (2013). ‘Kiss My Foot,’ Said the King: Firearms, Diplomacy and the Battle for Raichur, 1520. Dlm, R. Eaton, M. Faruqui, D. Gilmartin, & S. Kumar (Eds.), *Expanding Frontiers in South Asian and World History: Essays in Honour of John F. Richards* (hlmn. 275-298). Cambridge: Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/S0026749X07003289>

- Ebrahim Desai. (2009). Kissing the hands and feet of the pious. https://askimam.org/public/question_detail/17431 [diakses pada 6 Jun 2023].
- Faudzinain Badaruddin & Muhammad Khairi Mahyuddin, (2021) Autoriti sanad tarekat dan peranannya dalam ilmu tasawuf. *International Journal of Islamic Thought (IJIT)*, 20 . pp. 34-44.
- Frijhoff, W. T. M. (1991). The kiss sacred and profane: reflections on a cross-cultural confrontation. In *A cultural history of gesture from Antiquity to the present-day*. With an introduction by Sir Keith Thomas (pp. 210-236). Polity Press.
- Ibn ‘Ajibah, Ahmad Ibn Muhammad. (T.th). *Ma’arij al-Taṣawwuf ila Haqā’iq al-Tasawwuf*. Maghribi: Darul Baiḍa’.
- Ibn ‘Askari, Ali bin Al-Hasan. (1995). *Tārīkh Damshīk*. T. tmpt: Dar al-Fikr.
- Ibn Hajar Al-Haitami. (T.th). *Al-Fatawa al-Fiqhiyyah al-Kubra*. T. tmpt. Maktabah al-Islamiyyah.
- Ibn Kathir, Ismail Bin Umar. (1990). *al-Bidāyah wal Nihāyah*. Beirut: Maktabah Al-Ma’ārif.
- Ibn Kathir, Ismail Bin Umar. (1994), *Tafsir Ibnu Katsir*. Abdullah bin Muhammad bin Abdurrahman bin Ishaq Alu Syaikh (ed.). Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi’i
- Ibn Qayyim, al-Jawzi. (1996). *Madārij As-Salikīn*. Beirut: Dar al-Kitab al- ‘Arabi. 1/352
- Ibn Taimiyyah. (2004). *Majmu’ al-Fatāwā*. Madinah Munawwarah: Majma’ Al-Mālik Fahd Līl Tibā’at Al-Muṣhaf Al-Sharif.
- Kamal al-Din al-Kasyani. (1992). *Mu’jām al-Muṣṭalah al-Ṣūfiyyah*. Kaherah: Dar al-Nafr.
- Kamus Dewan. (2017). *Edisi keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khadher Ahmad & Selamat Amir. (2021). *Aliran Klasik Dan Moden Dalam Pengajian Tafsir Dan Hadis*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kharisudin, Aqib. (1997). *Al-Hikmah: memahami teosofi tarekat Qadiriyyah wa Naqsyabandiyah*. Jakarta: Dunia Ilmu.
- Khatib Al-Baghdadi. (2001). *Tārīkh Baghdād*. T. Tmpt: Dar Al-Ghurb Al-Islamī.
- Marwan Salahudin & Binti Arkumi. (2016). Amalan Tarekat Qadiriyyah Wa Naqsyabandiyah sebagai proses pendidikan jiwa di Masjid Babul Muttaqin Desa Kradenan Jetis Ponorogo. *Esoterik: Jurnal Akhlak dan Tasawuf*, 2 (1), 65-79. <http://dx.doi.org/10.21043/esoterik.v2i1.1619>
- Maulana Syah Waris Hasan. (2002). *Bimbingan Bagi Murid Spiritual*. Bandung: Penerbit Marja.
- Mohd Asri Zainul Abidin. (2013). Bolehkah cium kaki orang alim’?. https://www.youtube.com/watch?v=bFC1IRfII4c&ab_channel=TVSUNNAH2 [diakses pada 10 Jun 2023].
- Mohd Haidhar Kamarzaman. (2018). Tarekat Naqshabandiyah Khalidiyyah Dan Manhaj Pengamalannya Di Malaysia: Suatu Analisis. *Prosiding International Seminar on Islamic Thought (Siri 3)*: 203-219.
- Mohd Khafidz Soroni. (2017). Khidmat ulama hadis terhadap kitab-kitab tasawuf. *Jurnal Qalbu (Sept2017)*: 1-4.
- Mohd. Asri Zainul Abidin. (2005). *Menilai Tarikat Dan Kesufian Dengan Syariat Allah*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Muhammad Zulkifli. (2013). *Metode Ahli Sufi Dalam Menentukan Otentisitas Hadis Menurut Muhaddisin*. Skripsi sarjana. Riau: Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim.
- Ngatoillah Linnaja. (2018). Internalisasi nilai-nilai pendidikan karakter dalam ajaran Tarekat Qadiriyyah Wa Naqsyabandiyah di Pondok Pesantren An-Nawawi Berjan Purworejo. *Jurnal Paramurobi 1 (2)*: 53-65.

- Nozira Salleh & Fauzinaim Badaruddin. (2018). Sufisme (sufism) dan ahli sufi (the sufis) menurut Inayat Khan (1882-1927). Dlm, Prosiding International Seminar on Islamic Thought (hlmn. 244-251).
- Rosdi, A. Z. ., Syed Hassan, S. N. ., Muhamad, N. A. F. ., Mohamad Zainuzi, N. I. H. ., & Mahfuz, M. S. . (2023). Panduan Asas Kaedah Kenal Pasti Status Hadis: Kajian Diskriptif Penggunaan Ensiklopedia Hadis 9 Imam : Basic Methods in Identifying the Status of Hadith: A Descriptive Overview on the Use of Encyclopedia of Hadith of the Nine Imams. *Journal Of Hadith Studies*, 8(1), 46-54. Retrieved from <https://journalofhadith.usim.edu.my/index.php/johs/article/view/225>
- Rozaimi Ramle. (2022). Bagaimana seorang manusia yang dianggap tok shaykh mursyid tarikat boleh selesa bila orang letakkan kepala di kakinya? Entahlah..sukar saya bayangkan. <https://www.facebook.com/watch/?v=2306842126125641&ref=sharing>[10 Jun 2023].
- Şoleh Abd Sāmi' al-Azhari. (2009). *Al-Thimar al-Dānī Sharh Risālah Ibn Abi Zayd al-Qairuni*. Beirut: Maktabah al-Thaqāfiyyah. 698
- Saleh Al-Fauzan. (2022). Hukm al-anḥina' litaqbil qadam al'umi – Al-Shaykh Salih Al-Fawzan. [Online] https://www.youtube.com/watch?v=TcZM29_w5dg&ab_channel=%D8%A7%D9%84%D8%B9%D9%84%D8%A7%D9%85%D8%A9%D8%A7%D9%84%D8%AF%D9%83%D8%AA%D9%88%D8%B1%D8%B5%D8%A7%D9%84%D8%AD%D8%A7%D9%84%D9%81%D9%88%D8%B2%D8%A7%D9%86 [diakses pada 17 Jun, 2023].
- Surina Nayan, Latisha Asmaak Shafie, Mahani Mansor, Mohd. Izwan Osman, Nazira Osman. (2011). Nilai hormat di kalangan pelajar UiTM Perlis terhadap pensyarah (dari perspektif pensyarah). *Jurnal Intelek*. 6(1): 132-142.
- al-Tirmidhi, Muhammad Bin 'Isa bin Saurah. (1999). *Jami' al-Tirmidhi*. Riyadh: Dar Salam Lil Nasyar wa Tauzi'.
- Umar Muhammad Noor. (2017). Metode kritik hadith aliran salafi dan sufi moden: satu analisis perbandingan. *E-Proceedings of the 4th International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization 2017*, hlmn. 75-92.
- Wazir, R. (2018). Hadis dan Tasawuf: Satu Sorotan Terhadap Sharḥ Al-Taftāzānī 'Alā Aḥādīth Al-Arba'īn Al-Nawawīyyah: Hadith and Tasawuf: A Highlight of Sharḥ Al-Taftāzānī 'Alā Aḥādīth Al-Arba'īn Al-Nawawīyyah. *HADIS*, 8(15),18-36. <https://doi.org/10.53840/hadis.v8i15.13>
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2022). Mencium kaki ibu dan kaki orang soleh. [Online] <https://maktabahalbakri.com/998-mencium-kaki-ibu-dan-kaki-orang-soleh/> [diakses pada 6 Jun, 2023].